

Berita Harian Oktober 2018

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan	Muka Surat
1.	Selasa, 2 Oktober 2018	SPRM, PDRM beri tumpuan kes utama	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM),	3
2.	Jumaat, 5 Oktober 2018	Siasat jika ketirisan punca sistem amaran tsunami rosak	Chieng Jen Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna	5
3.	Ahad, 7 Oktober 2018	RM120 juta bayaran balik 10 transaksi tanah DBKL	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	7
4.	Selasa, 9 Oktober 2018	Teliti semula isu tender MRT2 - PM	PERDANA Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad	9
5.	Ahad, 14 Oktober 2018	Hutang 1MDB dengan IPIC mungkin lebih dua kali ganda jumlah awal	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	11
6.	Ahad, 14 Oktober 2018	Baki 23 pakej Pan Borneo Sabah diteruskan	MENTERI Kerja Raya, Baru Bian	13
7.	Selasa, 16 Oktober 2018	Dah empat jam Najib di SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM),	15
8.	Rabu, 17 Oktober 2018	Kerajaan utamakan projek infrastruktur manfaat rakyat	Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali	17
9.	Khamis, 18 Oktober 2018	Zahid didakwa esok	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM),	19
10.	Jumaat, 19 Oktober 2018	Ahmad Zahid tiba di mahkamah	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM),	20
11.	Selasa, 23 Oktober 2018	GST: Irwan selesai beri keterangan, giliran Najib esok - PAC	Pengerusi PAC, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee	21
12.	Rabu, 24 Oktober 2018	Najib beri keterangan kepada PAC, mungkin dipanggil semula	PENGERUSI PAC, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee	23

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan	Muka Surat
13.	Rabu, 24 Oktober 2018	Najib, Irwan Serigar, Hasanah dituduh di mahkamah esok	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	25
14.	Isnin, 29 Oktober 2018	SPRM tahan pengarah jabatan universiti Awam	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	27
15.	Isnin, 29 Oktober 2018	Prosiding 1MDB, tuntutan tunggakan GST ditangguh	Pengerusi Jawatankuasa Kira- kira Wang Negara, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee	28
16.	Selasa, 30 Oktober 2018	Kenyataan Najib bercanggah bukti FBI, DoJ - Abu Kassim	Bekas Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Abu Kassim Mohamed	29
17.	Rabu, 31 Oktober 2018	Saya cuba diekstradisi pihak berkuasa Malaysia - Justo	Bekas pegawai PetroSaudi International Ltd (PetroSaudi), Xavier Andre Justo	31



Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad ketika sidang media bersama media Malaysia sebelum mengakhiri lawatan kerja siri kedua ke United Kingdom pada Isnin

1. SPRM, PDRM beri tumpuan kes utama

LONDON: Agensi penguatkuasaan seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) kini mengendalikan kes yang terlalu banyak dan terpaksa menentukan kes keutamaan untuk didahulukan, kata Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Memberikan dakwaan penyelewengan wang kerajaan oleh bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak sebagai contoh kes prioriti, Dr Mahathir berkata, kes berkenaan disiasat SPRM serta PDRM dan agensi berkenaan tidak perlu melaporkan kepadanya.

"Mereka bertindak melalui AG (peguam negara), mereka sudah sampaikan maklumat kepada AG, AG jalankan tugas (untuk mendakwa)," katanya kepada media Malaysia sebelum mengakhiri lawatan kerja siri keduanya ke United Kingdom semalam.

Dr Mahathir berkata, sebarang tindakan perlu mengikut undang-undang dan kerana itu ia akan mengambil masa untuk melalui proses tertentu.

"Kalau setakat dengar cerita sahaja pergi mahkamah mungkin boleh kalah. Kita perlu tentukan segala dokumentasi berkenaan kejadian itu, siap sedia dikemukakan kepada mahkamah supaya mahkamah buat pertimbangan sewajarnya," katanya.

Mengenai kes 1Malaysia Development Bhd (1MDB), Dr Mahathir berkata, setakat ini, ia belum melibatkan United Kingdom.

Kes 1MDB telah menarik minat beberapa negara termasuk Amerika Syarikat dan Switzerland untuk menyiasat.

Ditanya sama ada terdapat individu yang mempunyai kaitan dengan kes 1MDB berada di United Kingdom, Dr Mahathir berkata: "Barangkali tidak."

Beliau berkata kes 1MDB adalah terlalu banyak dan akan mengambil masa yang panjang.

"Mahu pergi ke mahkamah, kena ada bukti yang tidak boleh diketepikan," katanya.

Mengenai pemburuan ahli perniagaan, Low Taek Jho atau dikenali sebagai Jho Low, Dr Mahathir berkata : "Kita cari dia tapi kita tak jumpa dia di mana."

Menyentuh mengenai pertemuannya dengan Setiausaha Kabinet Britain, Mark Sedwill di Whitehall pada Isnin, Dr Mahathir berkata, kerajaan sedang mempertimbangkan sama ada kaedah di UK mengenai pihak berkuasa yang memilih pegawai tinggi kerajaan dan tindakan terhadap masalah keganasan dapat dilaksanakan di Malaysia.



CHONG Chieng Jen

2. Siasat jika ketirisan punca sistem amaran tsunami rosak

MIRI: Siasatan terperinci perlu dilakukan segera sekiranya berlaku ketirisan yang menyebabkan beberapa sistem amaran awal tsunami di seluruh negara rosak dan gagal berfungsi.

Difahamkan, satu-satu peralatan itu yang boleh digunakan ketika ini adalah di Pantai Luak, di sini, dengan ujian operasi terakhirnya dijalankan pada 19 September lalu.

Pengerusi Pakatan Harapan (PH) Sarawak, Chong Chieng Jen, berkata perkara itu perlu disiasat bagi mengenal pasti punca kerosakan peralatan berkenaan, seterusnya diperbaiki segera.

"Wang rakyat yang begitu besar dibelanjakan bagi memasang peralatan itu, termasuk kos penyelenggaraannya, dan seharusnya ia dipastikan dapat berfungsi dengan baik.

"Adalah satu pembaziran jika kita membelanjakan peruntukan yang besar tetapi peralatan itu tidak dapat digunakan sebaik mungkin," katanya kepada NSTP, di sini.

Chieng Jen yang juga Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna berkata, isu berkenaan membabitkan aspek keselamatan rakyat, khusus bagi membantu mereka membuat persiapan awal menghadapi musibah itu.

"Justeru, kerajaan perlu memastikan peralatan itu dapat digunakan dengan baik supaya tidak membazirkan wang rakyat.

"Saya sendiri akan memantau perkara ini di Sarawak untuk kebaikan rakyat di kawasan tepi pantai yang terdedah dengan amaran tsunami," katanya.

Ketika ini difahamkan beberapa peralatan mengesan tsunami tidak dapat digunakan ketika percubaan dilakukan baru-baru ini termasuk di Sabah.

Sabah antara negeri yang paling terdedah dengan ancaman tsunami berbanding Sarawak kerana terletak lebih dekat dengan lingkaran kawasan gunung berapi.



MENTERI Wilayah Persekutuan, Khalid Abdul Samad merasmikan program Run For The Deaf 2018 sempena KL Car Free Morning di Kuala Lumpur, hari ini

3. RM120 juta bayaran balik 10 transaksi tanah DBKL

KUALA LUMPUR: Sebanyak RM120 juta diperuntukkan bagi bayaran semula 10 daripada transaksi penjualan tanah milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang dibatalkan.

Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abdul Samad, berkata transaksi berkenaan membabitkan jumlah keluasan tanah sebanyak 5.6 hektar.

"Jawatankuasa khas Kementerian Wilayah memutuskan untuk bayar semula walaupun harganya memang tinggi. Boleh dikatakan pembelian balik tanah ini adalah salah satu bentuk pelaburan untuk masa depan.

"Selain itu, kita juga dapat balik wang bagi transaksi tanah yang sedang dirunding semula dan saya akan umumkan secara rasmi esok," katanya kepada pemberita selepas merasmikan program Run For The Deaf 2018 sempena KL Car Free Morning, di sini hari ini.

Secara keseluruhannya, 97 transaksi membabitkan penjualan tanah milik DBKL bernilai RM5.63 bilion disiasat.

Selain 10 pembatalan transaksi, sebanyak 23 transaksi berjaya dirunding, satu transaksi dibawa ke mahkamah manakala 43 transaksi tanah diteruskan seperti biasa.

Sebanyak 20 lagi transaksi tanah yang selesai dipindah milik kepada syarikat diserahkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk siasatan lanjut.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata DBKL hanya memperoleh RM2 juta hasil kutipan saman trafik membabitkan pelbagai kesalahan termasuk notis tertunggak pada September lalu.

Katanya, tawaran potongan diskaun kepada pesalah trafik yang berlangsung selama sebulan kurang mendapat sambutan.

"Kita menjangkakan mendapat sekurang-kurangnya RM100 juta kerana jumlah keseluruhan nilai saman tertunggak mencecah hampir RM1 bilion," katanya.

DBKL mengeluarkan kira-kira empat juta notis saman kepada pesalah trafik membabitkan pelbagai kesalahan termasuk notis tertunggak sejak 2006.



PERDANA Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menyampaikan ucap terna penutup Forum Megatrend Khazanah 2018 di Kuala Lumpur, hari ini

4. Teliti semula isu tender MRT2 - PM

KUALA LUMPUR: Kerajaan akan meneliti semula keputusan melaksanakan proses tender terbuka antarabangsa kerja bawah tanah Aliran Transit Massa 2 (MRT2), kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kerajaan peka mengenai isu terbabit kerana langkah penjajaran semula diumumkan kerajaan, baru-baru ini menjejaskan lebih 20,000 tenaga kerja.

"Kita sedang teliti balik dan buat kajian penilaian semula. Ia akan dibincangkan," katanya selepas menyampaikan ucap terna penutup Forum Megatrend Khazanah 2018, di sini, hari ini.

Yang turut hadir pada forum bertajuk: 'Keseimbangan; Penjajaran semula pasaran, firma, masyarakat dan rakyat' ialah Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dan Pengarah Urusan Khazanah Nasional Berhad (Khazanah), Datuk Shahril Ridza Ridzuan.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, pada Selasa lalu, dilaporkan berkata, kerajaan bertegas untuk memperoleh nilai yang lebih baik bagi perbelanjaan awam, terutama apabila membabitkan pinjaman dengan jumlah yang besar.

Susulan itu, Kementerian Kewangan dengan kerjasama Kementerian Pengangkutan, agensi kerajaan seperti MRTCo dan pihak swasta menjalankan rundingan pengurangan kos terhadap projek MRT2 sejak Mei 2018.

Langkah itu menyaksikan penjimatan RM5.22 bilion atau 23 peratus daripada kos kerja atas tanah untuk projek MRT2.

MMC Gamuda KVMRT (T) Sdn Bhd (MMC Gamuda) sebagai firma yang diberikan kontrak bagi kerja bawah tanah, semalam dilaporkan berkata, penamatan kontrak syarikat berkenaan akan menjejaskan lebih 20,000 tenaga kerja, selain 600 syarikat daripada rantaian sokongan yang terbabit.

Daripada angka itu, lebih 3,000 pekerja terdiri daripada kakitangan MMC Gamuda JV, dan perangkaan itu menyaksikan lebih daripada 60 peratus yang terbabit adalah Bumiputera.

Dalam perkembangan lain, Dr Mahathir menjelaskan pihaknya tidak dimaklumkan mengenai sebarang pelan pemulihan yang mungkin dirangka Khazanah untuk Malaysia Airlines Berhad (MAB).

"Mereka (Khazanah) tidak beritahu saya, Kita akan lihat (pelan pemulihan ini)," katanya.

5. Hutang 1MDB dengan IPIC mungkin lebih dua kali ganda jumlah awal

PETALING JAYA: Hutang dana pelaburan 1 Malaysia Development Berhad (1MDB) dengan International Petroleum Investment Co (IPIC) mungkin 'lebih dua kali ganda' daripada jumlah awal yang dipercayai dipinjam daripada syarikat milik Abu Dhabi itu.

Menurut akhbar Straits Times (ST), maklumat baru itu diperoleh selepas IPIC mengumumkan awal bulan ini mengenai rancangan untuk memindahkan liabiliti tertentu dan komitmen kewangan berkaitan bon bernilai berbilion dolar 1MDB kepada entiti induknya, Mubadala Development Co PJSC.

Komitmen yang tersenarai dalam penyata IPIC kepada Bursa Saham London berjumlah kira-kira AS\$6.89 bilion (RM28.6 bilion) sebelum caj faedah.

Angka itu adalah 'lebih daripada dua kali ganda jumlah Kuala Lumpur dipercayai berhutang dengan Abu Dhabi', lapor Straits Times yang dipetik portal Free Malaysia Today (FMT)

Akhbar Singapura itu melaporkan, bon yang tersenarai dalam penyata IPIC tidak ada kaitan dengan apa yang ditegaskan Putrajaya telah dikeluarkan pada 2012.

Memetik pegawai kanan kerajaan Malaysia yang enggan dikenali, ST melaporkan Pejabat Peguam Negara dan Kementerian Kewangan sedar mengenai maklumat baru itu dalam penyata IPIC.

Pihak kerajaan, kata pegawai itu, telah mendapatkan pandangan peguam di London mengenai langkah seterusnya.

"Kami berkemungkinan akan membuat bayaran faedah tetapi dengan bantahan.

"Perjanjian penyelesaian dengan Abu Dhabi akan dicabar," katanya kepada ST.

Pegawai itu juga berkata, kerajaan pimpinan Pakatan Harapan tidak boleh untuk 'tidak membayar balik' pinjaman antarabangsa kerana ia boleh memberi kesan buruk kepada pasaran kewangan domestik.

Awal minggu ini, Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, berkata kerajaan akan membayar hutang 1MDB sebanyak AS\$50.3 juta (RM206.23 juta) sebelum tempoh akhir pada hujung bulan ini.

ST juga melaporkan bahawa IPIC menyatakan dalam penyatanya kepada Bursa Saham London pada 1 Oktober bahawa tanggungjawab kewangan menurut perjanjian dengan 1MDB membabitkan 'enam bon terbitan berasingan dalam dolar AS, euro dan pound sterling'.

"Tambahan lagi, nota bon yang semuanya berjumlah kira-kira AS\$6.89 bilion mengandungi tarikh matang berbeza, termasuk satu yang berlanjutan hingga 2041, dan pelbagai caj kupon tahunan," lapor akhbar itu.



MENTERI Kerja Raya, Baru Bian memberi jaminan baki 23 pakej pembinaan projek Lebuh Raya Pan Borneo diteruskan

6. Baki 23 pakej Pan Borneo Sabah diteruskan

KOTA KINABALU: Kementerian Kerja Raya memberi jaminan baki 23 pakej pembinaan projek Lebuh Raya Pan Borneo di Sabah yang belum diserahkan kepada kontraktor diteruskan.

Menterinya, Baru Bian, berkata semua jajaran bagi lebuh raya sepanjang 706 kilometer itu juga kekal, manakala kosnya masih menunggu kajian semula dilakukan Kementerian Kewangan.

Beliau berkata, pihaknya akan berbincang dengan Kementerian Kewangan untuk mengenal pasti pendekatan atau model terbaik bagi meneruskan baki pakej yang belum dilaksanakan.

"Ia adalah projek terbesar di Sabah dan Sarawak, kita tiada lebuh raya lain di sini, jadi perlu teruskan projek ini termasuk baki pakej belum bermula daripada 35 pakej yang ada.

"Setakat ini hanya 12 pakej yang sudah diagihkan kepada kontraktor," katanya pada sidang media berkaitan projek Lebuh Raya Pan Borneo, di sini, hari ini.

Baru berkata, menerusi perbincangan dengan Kementerian Kewangan, pelaksanaan 23 pakej selebihnya mungkin dilaksanakan secara berperingkat atau berfasa tertakluk kepada kedudukan kewangan kerajaan.

Katanya, Kementerian Kewangan akan melantik perunding bebas bagi mengkaji semula kos projek itu sebelum membandingkannya dengan kos dikeluarkan oleh kerajaan terdahulu.

"Selepas membuat perbandingan kos, barulah kita berunding dengan syarikat rakan penyampai projek (PDP) untuk menurunkan kos sebab kita tidak boleh merombak perjanjian yang sudah dibuat sebelum ini," katanya.

Berkaitan masalah pelaksanaan 12 pakej yang sudah diserahkan kepada kontraktor di Sabah, beliau berkata, isu utama kelewatan yang dialami adalah berkaitan pengambilan tanah selain kelewatan syarikat utiliti mengalihkan struktur masing-masing.

Katanya, kerjasama kerajaan negeri dan PDP diperlukan untuk mengatasi isu berkenaan bagi memastikan pelaksanaannya dapat dipercepatkan.

Sementara itu, menjawab tuduhan yang mendakwa lebuh raya berkenaan mungkin dikenakan tol, Baru berkata, perkara itu tidak mungkin terjadi kerana projek Pan Borneo berbeza dengan lebuh raya di Semenanjung.

Kos projek fasa satu Lebuh Raya Pan Borneo Sabah yang bermula pada April 2016 dan dijadualkan siap pada 2021 itu sebelum ini dianggarkan mencecah RM12.86 bilion.



GAMBAR fail, Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak keluar dari Mahkamah Tinggi selepas sebutan semula kes SRC International di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur

7. Dah empat jam Najib di SPRM

PUTRAJAYA: Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang dipanggil ke ibu pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia hari ini dipercayai untuk diambil keterangan berhubung siasatan kes 1Malaysia Development Bhd (1MDB), masih berada di dalam bangunan berkenaan selepas empat jam.

Menurut sumber SPRM, Najib hadir ke SPRM pada 10 pagi tadi bagi melengkapkan siasatan kes berkenaan.

Bagaimanapun, pihak media yang menunggu di perkarangan ibu pejabat SPRM gagal merakamkan ketibaannya berikutan beliau menggunakan pintu belakang.

Setakat pukul 2 petang, kira-kira 20 petugas media masih setia menunggu di bangunan SPRM bagi mendapatkan perkembangan terkini siasatan itu.

Pada 3 Oktober lalu, Najib memberi keterangan hampir tiga jam di Unit Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AMLA), di Menara KPJ, Jalan Tun Razak.

Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Bukit Aman sebelum ini dilaporkan akan memanggil semula Najib dan isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor berikutan pihak berkuasa memerlukan maklumat tambahan daripada pasangan terbabit untuk membantu siasatan.

Najib sebelum ini didakwa di mahkamah atas 32 pertuduhan.

Pada 4 Julai lepas beliau mengaku tidak bersalah di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur terhadap tiga pertuduhan pecah amanah (CBT) dan satu pertuduhan salah guna kuasa membabitkan dana berjumlah RM42 juta milik SRC International Sdn Bhd.

Seterusnya pada 8 Ogos, bekas perdana menteri itu didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur atas tiga pertuduhan menerima wang berjumlah RM42 juta hasil daripada aktiviti haram milik dana SRC International Sdn Bhd, dalam dua akaun miliknya, empat tahun lepas.

Pada 20 September, Najib sekali lagi didakwa atas 21 pertuduhan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AMLATFA) 2001 dan empat pertuduhan di bawah Seksyen 23 (1) Akta SPRM.



Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali (tengah) ketika menghadiri Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Majlis Parlimen ke 14 di Parlimen, hari ini.

8. Kerajaan utamakan projek infrastruktur manfaat rakyat

KUALA LUMPUR: Cadangan untuk menghidupkan semula projek jambatan bengkok menghubungkan Malaysia-Singapura di Selat Johor akan ditentukan kerajaan berdasarkan kekuatan fiskal negara.

Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, berkata cadangan itu dibuat oleh Menteri Besar Johor, Datuk Osman Sapian, namun belum dibawa ke peringkat kerajaan Persekutuan.

Beliau bagaimanapun berkata, keutamaan kerajaan buat masa ini lebih terarah kepada projek infrastruktur yang membawa kebaikan kepada rakyat seperti pembinaan hospital, sekolah dan jalan raya.

"Bila sudah terima cadangan barulah menteri akan lihat perkara ini sama ada kita ada kapasiti pada masa ini untuk meneruskan projek (jambatan bengkok) atau kita boleh pertimbangkan apabila keadaan mengizinkan.

"Sudah tentu, kita perlu memberi keutamaan kepada projek infrastruktur tetapi saya yakin kerajaan Johor akan membawa perkara ini kepada Kerajaan Persekutuan," katanya ketika ditemui di Parlimen hari ini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kenyataan Osman bahawa Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad bersetuju dengan cadangan kerajaan Johor mahu menghidupkan semula projek pembinaan jambatan bengkok.

Jambatan bengkok atau Jambatan Indah yang diilhamkan Dr Mahathir adalah projek jambatan sepanjang 1.4 kilometer bagi menggantikan Tambak Johor sepanjang 1.06 kilometer yang digunakan sejak 1923.

Idea pembinaan jambatan bengkok tercetus kerana Singapura tidak mahu mengubah Tambak Johor yang menjadi struktur penghubung di sempadan negaranya.

Seni bina jambatan bengkok itu lebih tinggi bagi membolehkan kapal kecil melepasi Selat Johor namun Singapura enggan berkompromi dengan konsep itu.

Projek itu dibatalkan 2006 pada era Tun Abdullah Ahmad Badawi menjadi Perdana Menteri.



Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi tiba di Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk memberi keterangan berkaitan penyelewengan dana Yayasan Akal Budi.

9. Zahid didakwa esok

PUTRAJAYA: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengesahkan menahan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi selepas hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat agensi penguatkuasaan itu.

SPRM dalam kenyataan hari ini, berkata Presiden UMNO itu ditahan berhubung siasatan salah guna kuasa, pecah amanah dan pengubahan wang haram membabitkan dana sebuah yayasan, selepas mendapat izin untuk pendakwaan daripada Pejabat Peguam Negara.

"Penahanan itu dibuat pada jam 3.15 petang di Ibu Pejabat SPRM, Putrajaya, hari ini.

"Susulan itu, Ahmad Zahid akan menghadapi beberapa pertuduhan mengikut Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (ASPRM) 2009 dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA) 2001.

"Ahmad Zahid akan dibawa ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur jam 8 pagi esok untuk pertuduhan," katanya.

10. Ahmad Zahid tiba di mahkamah

KUALA LUMPUR: Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Zahid Hamidi, tiba di Mahkamah Sesyen 9 pada jam 9.18 pagi bagi menghadapi 45 pertuduhan yang dikenakan terhadapnya.

Pertuduhan akan dibuat mengikut Akta Pencegahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUA) 2001 dan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (ASPRM) 2009 dan Kanun Keseksaan atas kesalahan pecah amanah.

Semua pertuduhan akan dibacakan di hadapan Hakim Azura Alwi.

Pendakwaan diketuai oleh Datuk Seri Gopal Sri Ram manakala Zahid diwakili peguam Hisyam Teh Poh Teik dan Kitson Foong.

Turut kelihatan di dalam mahkamah adalah isteri Zahid, Datin Seri Hamidah Khamis, dan anaknya, Datuk Nurul Hidayah.

Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Mohamad Hasan; Ketua Pemuda UMNO, Datuk Dr Asyraf Wajdi; dan Ketua Wanita Umno, Datuk Noraini Ahmad juga berada di dalam dewan mahkamah.

Akhbar sebelum ini melaporkan bahawa pertuduhan yang dihadapi adalah berhubung penyelewengan dana Yayasan Akal Budi yang disiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).



DR Ronald Kiandee bersama Kah Woh (kiri) pada Sidang Dewan Rakyat di Bangunan Parlimen.

11. GST: Irwan selesai beri keterangan, giliran Najib esok - PAC

KUALA LUMPUR: Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) menjangka laporan siasatan berkenaan pembayaran balik Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang dilaporkan hilang dapat diselesaikan pada sidang kali ini.

Pengerusi PAC, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata prosiding hari ini membabitkan sesi menyoal kali kedua bekas Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah.

"Prosiding hari ini lebih singkat kerana PAC hanya bertanyakan soalan susulan berdasarkan keterangan pertama Irwan.

"Pada siasatan tuntutan pembayaran balik GST, kita berharap akan dapat membuat kesimpulan dan menutup kes ini sebelum akhir sidang parlimen ini.

"Selepas menyoal saksi terakhir iaitu Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, kita berharap dapat menutup kes ini dan mengemukakan hasilnya kepada Parlimen," katanya ketika ditemui media di Parlimen hari ini.

Timbalan Pengerusi PAC, Wong Kah Woh, pula berkata PAC hari ini selesai menyoal Mohd Irwan Serigar.

Beliau berkata, bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, adalah individu seterusnya yang akan disoal oleh PAC berhubung perkara berkenaan, esok.

"Kita sudah panggil Irwan sebanyak dua kali mendapatkan maklumat dan keterangan yang diperlukan.

"Pada petang ini, kita akan panggil Ketua Pengarah Kastam, Datuk Seri T Subromaniam dan esok pula giliran Najib," katanya.

Beliau berkata demikian kepada wartawan sebaik selesai sesi menyoal Irwan di bilik mesyuarat jawatankuasa PAC di Bangunan Parlimen.

Siasatan PAC sebelum ini juga membabitkan bekas Menteri Kewangan, Datuk Seri Johari Abdul Ghani, dan bekas Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah.

Kah Woh berkata, PAC dalam usaha untuk membuka prosiding 1Malaysia Development Berhad (1MDB) kepada orang ramai yang dijangka bermula Isnin ini, selagi ia tidak menyentuh isu keselamatan.

Bagaimanapun, beliau berkata terdapat halangan undang-undang seperti Perintah 85 Perintah Tetap dan Seksyen 9 Akta Hak dan Keistimewaan Parlimen yang kini menghalang daripada membuka prosiding PAC kepada orang ramai.

"Kita masih berusaha ke arah itu (membuka mesyuarat PAC) dan merasakan bahawa ia harus terbuka bagi menuju Parlimen dunia pertama," katanya.

Bekas Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang antara 20 saksi yang akan dipanggil dalam prosiding 1MDB.



PENGERUSI PAC, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee

12. Najib beri keterangan kepada PAC, mungkin dipanggil semula

KUALA LUMPUR: Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) tidak menolak kemungkinan memanggil semula bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dalam prosiding tunggakan tuntutan bayaran Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) berjumlah RM19.4 bilion.

Pengerusi PAC, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata jawatankuasa itu akan membuat keputusan mengenai keperluan mendapatkan penjelasan lanjut daripada Ahli Parlimen Pekan itu, selepas menilai prosiding bersama Najib, hari ini.

"Saya tidak boleh katakan lagi (sama ada perlu panggil semula Najib) dan akan merujuk kembali (prosiding hari ini) sebelum memutuskan sama ada wujud keperluan untuk buat dipanggil semula.

"Jika ada keperluan, mungkin PAC akan panggil semula (Najib)," katanya ketika ditemui di Parlimen, hari ini.

Turut hadir, Timbalan Pengerusi PAC, Wong Kah Woh.

Terdahulu, Ronald mempengerusikan prosiding PAC hari ini, dengan Najib hadir memberi keterangan berhubung tunggakan tuntutan GST selama kira-kira dua jam.

Najib yang ditemui selepas prosiding berkenaan tidak memberikan sebarang kenyataan dan terus meninggalkan wartawan, dipercayai untuk hadir ke ibu pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membantu siasatan membabitkan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan International Petroleum Investment Company (IPIC).

Mengulas prosiding berkenaan, Ronald berkata, Najib memberikan kerjasama yang baik dan menjawab semua soalan yang diajukan oleh semua ahli PAC.

Katanya, antara soalan yang diajukan kepada bekas Perdana Menteri itu termasuklah mengenai aliran kewangan kerajaan, serta pungutan dan pulangan daripada GST.

"Najib memberi keterangan dan kerjasama yang baik. Semua ahli PAC mengemukakan soalan dan mendapat jawapan dan kerjasama baik daripada mantan Menteri Kewangan," katanya.

Ditanya mengenai prosiding seterusnya, Ronald berkata, Menteri Kewangan, Lim Guan Eng akan menjadi individu terakhir dipanggil dan dijangka dilaksanakan selepas pembentangan Bajet 2019.

Kelmarin, bekas Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah hadir dalam prosiding berkenaan untuk sesi menyoal kali kedua.

Siasatan PAC sebelum ini turut membabitkan bekas Menteri Kewangan, Datuk Seri Johari Abdul Ghani dan bekas Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah.

Sementara itu, Ronald berkata, usaha untuk membuka prosiding kepada umum bakal membabitkan pindaan kepada beberapa Peraturan Mesyuarat serta Akta Majlis Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa) 1952.

"Sebelum pindaan itu dibuat, segala yang berlaku ketika sesi prosiding tidak boleh didedahkan kepada umum atau kami boleh dirujuk ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Parlimen jika berbuat demikian," katanya.



NAJIB, Irwan Siregar dan Hasanah akan didakwa di mahkamah atas kesalahan pecah amanah, esok.

13. Najib, Irwan Serigar, Hasanah dituduh di mahkamah esok

PUTRAJAYA: Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak; bekas Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Mohd Irwan Serigar Abdullah dan bekas Ketua Pengarah Organisasi Perisikan Luar Malaysia (MEIO), Datuk Hasanah Abdul Hamid akan didakwa di mahkamah atas kesalahan pecah amanah, esok.

Perkara itu disahkan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menerusi satu kenyataan media sebentar tadi.

Katanya, SPRM sudah mendapat izin daripada Pejabat Peguam Negara untuk menuduh Najib, Irwan Serigar dan Hasanah di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, esok.

"Kedua-duanya (Najib dan Irwan Serigar) akan dituduh bersama berhubung siasatan beberapa kes pecah amanah yang dilakukan oleh mereka membabitkan wang milik Kerajaan Malaysia.

"Najib dan Irwan Serigar akan hadir ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pada 25 Oktober (esok) jam 7.30 pagi untuk proses pertuduhan," katanya.

Kenyataan itu juga memaklumkan SPRM turut mendapat izin untuk mendakwa Hasanah untuk kesalahan pecah amanah di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, esok.

Terdahulu, Najib dan Irwan Serigar hadir di Ibu Pejabat SPRM, di sini hari ini bagi melengkapkan proses akhir siasatan dan pendakwaan itu.

Najib, 65, dan Irwan Serigar, 61, masing-masing tiba di ibu pejabat SPRM pada jam 1.53 tengah hari dan 3.25 petang dengan menaiki kenderaan persendirian.

Kenderaan jenis Audi Q7 membawa Najib tiba di perkarangan lobi ibu pejabat SPRM jam 1.53 tengah hari selepas beliau diperintahkan untuk hadir ke situ pada jam 2 petang.

Sementara itu, Irwan Serigar pula tiba pada jam 3.25 petang dengan menaiki Perodua Myvi hitam.

Kedua-duanya dipanggil untuk disoal siasat berhubung siasatan kes 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan syarikat pelaburan Abu Dhabi iaitu International Petroleum Investment Company (IPIC).

Najib kemudian dilihat meninggalkan ibu pejabat SPRM tepat jam 5 petang dengan menaiki Proton Perdana hitam.

Bagaimanapun, setakat jam 5 petang tadi, proses soal siasat ke atas Irwan Serigar masih belum selesai.

Hasanah, 61, pula tidak dipanggil ke SPRM hari ini sebaliknya akan terus dituduh di mahkamah esok.

Hasanah sebelum ini disoal siasat berhubung salah guna kuasa dan penyelewengan dana Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) membabitkan nilai mencecah RM49.5 juta (AS\$12 juta).



14. SPRM tahan pengarah jabatan universiti Awam

PUTRAJAYA: Seorang pengarah jabatan sebuah universiti awam di Pulau Pinang ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hari ini bagi membantu siasatan kes salah guna kuasa membabitkan nilai melebihi RM159,000.

Individu berusia 53 tahun itu yang juga seorang profesor ditahan pada jam 11.35 pagi di Pejabat SPRM Pulau Pinang selepas hadir memberi keterangan.

Menurut sumber, suspek disyaki menyalahgunakan kuasa dan kedudukan dengan meluluskan peruntukan bagi sebuah syarikat milik adiknya untuk pembelian pelbagai barangan bagi jabatan itu membabitkan nilai melebihi RM159,000 antara September 2011 sehingga Mei 2012.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 23, Akta SPRM 2009.

Sementara itu, Pengarah SPRM Pulau Pinang, Datuk Wan Ramli Wan Abdullah ketika dihubungi mengesahkan perkara itu.

Katanya, suspek akan dibawa ke Mahkamah Butterworth hari ini untuk pertuduhan.



Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

15. Prosiding 1MDB, tuntutan tunggakan GST ditangguh

KUALA LUMPUR: Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) hari ini menangguhkan prosiding berhubung 1Malaysia Development Berhad (1MDB) membabitkan bekas Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang.

Pengerusi PAC, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata pihaknya akan menetapkan semula tarikh dan masa yang sesuai memanggil Ambrin bagi membantu prosiding berkenaan dalam tempoh terdekat.

"PAC juga menangguhkan prosiding berhubung Tuntutan Tunggakan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST).

"Sepatutnya prosiding hari ini membabitkan Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, pada jam 2.30 petang ini, bagaimanapun PAC menangguhkannya kepada jam 2.30 petang 14 November ini," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Kiandee berkata, maklumat berhubung prosiding PAC akan dimaklumkan melalui kenyataan media.

Rabu lalu, PAC merekodkan keterangan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, selama dua jam menerusi prosiding tuntutan bayaran GST berjumlah RM19.4 bilion.

Sebelum itu, bekas Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah, turut memberi keterangan dalam prosiding berkenaan untuk sesi menyoal kali kedua.

Siasatan PAC sebelum ini turut membabitkan dua bekas Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani dan Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah.



TAN Sri Abu Kassim Mohamed

16. Kenyataan Najib bercanggah bukti FBI, DoJ - Abu Kassim

KUALA LUMPUR: Dakwaan Datuk Seri Najib Razak bahawa RM2.6 bilion adalah derma kerabat diraja Arab Saudi adalah palsu selepas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membongkar perkara sebenar menerusi pertemuan dengan pihak berkuasa Amerika Syarikat (AS) di Washington.

Bekas Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Abu Kassim Mohamed, ketika menjelaskan perkara itu, berkata kenyataan Najib sebelum ini didapati bercanggah dengan bukti ditunjukkan Biro Penyiasatan Persekutuan (FBI) dan Jabatan Kehakiman AS (DoJ).

Katanya, kenyataan SPRM pada 2015 bahawa RM2.6 bilion adalah sumbangan daripada pihak penderma dari Asia Barat dan bukannya dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dibuat berdasarkan maklumat yang ada ketika itu.

"Masa itu, menerusi kenyataan berkenaan, kita kata ia adalah derma, tetapi selepas mengadakan beberapa pertemuan (dengan pihak berkuasa lain), perkara sebenar terbongkar," katanya kepada pemberita di Persidangan Anti-Rasuah 2018 dan Tadbir Urus Yang Baik serta Integriti bagi Pertumbuhan Ekonomi Mampan, di ibu negara, hari ini.

Beliau mengulas percanggahan kenyataan MACC pada 3 dan 5 Ogos 2015 lalu bahawa suruhanjaya itu mengesahkan transaksi deposit RM2.6 bilion ke akaun Najib yang ketika itu menyandang jawatan perdana menteri ialah sumbangan penderma dari Asia Barat dan bukan dana 1MDB.

Pengesahan SPRM menerusi kenyataan ketika itu dibuat berdasarkan penjelasan dikemukakan penderma berkenaan secara peribadi, yang dikatakan seorang putera raja Arab Saudi.

Perincian mengenai penyaluran derma itu turut diperoleh SPRM menerusi pembuktian dokumen perbankan, selain beberapa surat yang dikatakan dihantar kepada pengurusan AmBank apabila dana terbabit dimasukkan ke akaun Najib.

Terus diasak media berhubung rasional di sebalik percanggahan kenyataan SPRM, Abu Kassim berkata: "Mahkamah akan kemukakan kebenaran".

Najib sebelum ini berulang kali menegaskan bahawa beliau percaya wang diperolehnya ialah hasil pemberian derma dari kerabat Arab Saudi.

Bekas perdana menteri itu ketika ini berdepan lebih 30 pertuduhan, membabitkan kesalahan pengubahan wang haram, rasuah dan pecah amanah susulan pelbagai dakwaan yang mengaitkannya dengan penyelewengan dana bernilai berbilion ringgit daripada syarikat pelaburan strategik kerajaan, 1MDB.



XAVIER Andre Justo

17. Saya cuba diekstradisi pihak berkuasa Malaysia - Justo

KUALA LUMPUR: Bekas pegawai PetroSaudi International Ltd (PetroSaudi), Xavier Andre Justo mendakwa pihak berkuasa Malaysia ketika pemerintahan kerajaan Barisan Nasional cuba untuk mengekstradisinya bagi tujuan tertentu.

Justo berkata, cubaan itu dilakukan ketika beliau dibebaskan dari penjara lebih awal selepas mendapat pengampunan Raja Thailand pada Disember 2016.

"Ketika diberi pengampunan dan dibebaskan dari penjara, ada cubaan pihak berkuasa dari Malaysia untuk mengekstradisi saya dari Thailand bagi tujuan tertentu.

"Malah, mereka juga turut menyekat pindahan pulang saya dari Thailand ke Switzerland," katanya kepada media selepas menjadi tetamu Persidangan Antarabangsa Ke-10 Pembiayaan Keganasan dan Jenayah Kewangan di Hotel Shangri-La, di sini hari ini.

Justo berkata, perkara itu tidak berjaya dilakukan selepas campur tangan kerajaan Switzerland selain menyebabkan dia tidak berani datang ke Malaysia.

Menurut Justo, apabila Pakatan Harapan (PH) mengambil alih kerajaan selepas menang pilihan raya umum lalu, barulah dia memberanikan diri datang ke Malaysia bagi membantu siasatan skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

"Sebelum ini memang ada beberapa kali saya hadir ke Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membantu siasatan dijalankan.

"Pihak berkuasa itu (SPRM) juga ada memaklumkan kemungkinan akan memanggil saya semula bagi membantu siasatan dan saya tidak mempunyai masalah mengenainya dan sedia bekerjasama," katanya.

Menurutnya, beliau mengakui silap apabila meninggalkan Switzerland dan bersembunyi di Thailand selepas pendedahan skandal 1MDB.

"Itu adalah satu kesilapan besar yang saya lakukan. Sepatutnya, saya tinggal sahaja di Switzerland dan dedahkan skandal itu dari sana.

"Sebaliknya saya lari dan pergi ke Thailand tanpa mengetahui bahawa dengan duit yang banyak mencecah berbilion dolar Amerika, saya boleh ditahan hanya dengan memberi wang sogokan dan seterusnya dipenjarakan," katanya.

Sementara itu, ditanya mengenai ahli perniagaan yang kini diburu, Low Taek Jho atau Jho Low, Justo berkata, dia sempat bertemu lelaki itu sebanyak dua kali.

Katanya, Jho Low disifatkan sebagai individu yang tidak mempunyai ciri individu cerdas dalam perniagaan dan sukar bersosial.

Beliau berkata, dalam dua pertemuan dengan Jho Low di London dan di selatan Perancis menerusi program kasual, ahli perniagaan itu lebih banyak berdiam diri dan tidak bercampur dengan tetamu.

"Secara peribadi, penampilan Jho Low itu tidak menunjukkan ciri seorang yang cerdas kerana dia kelihatan sukar bergaul dengan orang," katanya.